

MOFECON 500 (MYCOPHENOLATE MOFETIL 500MG TABLETS)

Mycophenolate Mofetil (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mofecon
2. Bagaimana Mofecon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mofecon
4. Cara menggunakan Mofecon
5. Semasa menggunakan Mofecon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mofecon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Mofecon

Mofecon digunakan untuk mencegah badan anda daripada menolak organ yang dipindahkan, seperti buah pinggang, jantung atau hati dan ubat ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan ubat lain yang dikenali sebagai ciclosporin dan kortikosteroid.

Mofecon digunakan untuk rawatan keradangan ginjal (nefritis lupus) dan perlu digunakan bersama-sama dengan ubat lain yang dikenali sebagai kortikosteroid.

Bagaimana Mofecon berfungsi

Mofecon tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil "imunopresen". Ubat ini berfungsi dengan mengurangkan aktiviti system imun badan anda.

Sebelum menggunakan Mofecon

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Mofecon:

- jika anda mengalami tindak balas alahan kepada *mycophenolate mofetil*, *mycophenolic acid* atau mana-mana bahan yang disenaraikan di penghujung risalah ini.
- jika anda seorang wanita yang boleh hamil dan tidak menggunakan kaedah pencegahan kehamilan yang efektif

- jika anda hamil, merancang untuk hamil atau berasa anda mungkin hamil
 - jika anda sedang menyusui
- Jika anda tidak pasti sekiranya anda patut mengambil Mofecon, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum menggunakan Mofecon

Sila beritahu doktor anda:

- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil
- Jika anda menyusui atau merancang untuk menyusui
- Jika anda seorang lelaki yang aktif secara seksual
- Jika anda alah kepada apa-apa ubat lain, makanan, pewarna atau pengawet.
- Jika anda mengalami masalah kesihatan lain terutamanya yang berikut:
 - pernah mengalami *sun spots* atau kanser kulit.
 - pernah mengalami paras neutrofil darah yang rendah (sejenis sel darah putih).
 - pernah mengalami masalah perut atau usus yang serius (misalnya ulser atau pendarahan).
 - penyakit buah pinggang.
 - penyakit keturunan kekurangan enzim yang jarang jumpa, contohnya *Lesch-Nyhan Syndrome* dan *Kelley-Seegmiller Syndrome*

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa ubat yang telah anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Secara khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan berikut sebelum anda memulakan Mofecon:

- azathioprine atau ubat-ubatan lain yang digunakan untuk menahan system imun dan boleh menghalang penolakan organ selepas pemindahan

- aciclovir, ganciclovir, valaciclovir atau valganciclovir iaitu ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan virus
- antasid atau perencat pam proton iaitu ubat yang digunakan untuk masalah asid gastrik dan ketidakadaman (senak)
- cholestyramine yang digunakan untuk merawat kolesterol tinggi
- norfloxacin bersama metronidazole dan amoxicillin bersama asid clavulanic iaitu gabungan antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan
- rifampisin dan ciprofloxacin iaitu ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan
- pengikat fosfat bebas kalsium (misalnya sevelamer) iaitu ubat yang digunakan untuk merawat kandungan paras fosfat tinggi dalam darah
- Isavuconazole yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat
- Telmisartan yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi

Cara menggunakan Mofecon

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil Mofecon dengan tepat seperti yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan memberitahu anda jumlah tablet yang perlu diambil setiap hari.

Kebiasaannya, dos untuk menghalang penolakan organ ialah 1 g hingga 1.5 g pada waktu pagi dan 1 g hingga 1.5 g pada waktu malam (2 g hingga 3 g sehari) bergantung pada organ yang telah dipindahkan.

Kebiasaannya, dos untuk merawat nefritis lupus ialah 1 g pada waktu pagi dan 1 g pada waktu malam (2 g sehari).

-Cara mengambil ubat

Telan tablet dengan segelas air. Jangan menghancurkan tablet tersebut.

MOFECON 500 (MYCOPHENOLATE MOFETIL 500MG TABLETS)

Mycophenolate Mofetil (500mg)

-Bila perlu digunakan

Anda harus mengambil Mofecon seperti yang doktor anda telah memberitahu anda sebelum atau selepas makan.

-Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil Mofecon seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika menghampiri waktu untuk pengambilan dos yang seterusnya, langkau dos yang anda terlepas dan ambil dos anda yang seterusnya apabila tiba waktu yang telah ditetapkan.

Jika tidak, ambil ubat anda sebaik sahaja anda mengingatnya dan kemudian teruskan rutin pengambilan seperti biasa.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang anda terlepas pengambilannya

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera, atau pergi ke bahagian Kecemasan di hospital berhampiran anda sekiranya anda rasa atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil Mofecon lebih daripada yang sepatutnya. Anda juga perlu melakukan ini walaupun tidak terdapat tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Mofecon

- Perkara yang perlu dilakukan

- Pakai pakaian pelindung yang melindungi kepala, leher, tangan dan kaki anda atau guna pelindung matahari dengan faktor perlindungan yang tinggi untuk menghadkan jumlah cahaya matahari dan cahaya UV yang anda dapat. Ini kerana Mofecon mengurangkan aktiviti sistem imun badan anda dan meningkatkan risiko kanser kulit
- Jika anda seorang wanita yang berpotensi melahirkan anak, anda mesti menggunakan dua jenis

pengehadan kehamilan yang efektif pada masa yang sama sebelum terapi, semasa terapi dan untuk sekurang-kurangnya enam minggu selepas berhenti terapi.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan.

Jangan berhenti mengambil Mofecon melainkan doktor memberitahu anda. Jika anda menghentikan rawatan anda, anda boleh meningkatkan risiko penolakan organ yang dipindahkan anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Anda tidak boleh menderma darah semasa rawatan dengan Mofecon dan sekurang-kurangnya 6 minggu selepas menghentikan rawatan. Lelaki tidak boleh menderma air mani semasa rawatan dengan Mofecon dan sekurang-kurangnya 90 hari selepas menghentikan rawatan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda perlu mengambil vaksin (vaksin hidup) ketika mengambil Mofecon, bercakap dengan doktor atau ahli farmasi anda dahulu. Doktor anda akan menasihati anda tentang jenis vaksin yang anda boleh ambil.

Berhati-hati sewaktu memandu atau mengendalikan mesin/ jentera hingga anda tahu cara Mofecon menjejaskan anda. Mofecon dijangka mempunyai kesan terhadap keupayaan memandu atau mengendalikan mesin/jentera. Anda perlu berhati-hati sekiranya mengalami simptom seperti keletihan, pening kepala, menggeletar atau pitam semasa menggunakan Mofecon.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Mofecon boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Anda boleh berbincang dengan doktor anda secepat mungkin dan mungkin perlu rawatan perubatan sekiranya anda

mengalami kesan sampingan yang serius seperti berikut:

- Anda mengalami simptom jangkitan seperti demam dan sakit tekak
- Anda berdarah
- Anda mempunyai ruam, bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, dengan kesukaran bernafas - anda mungkin mengalami tindak balas alahan yang serius terhadap ubat (seperti anafilaksis, angioedema)

Mofecon mengurangkan sistem imun badan anda untuk mencegah badan anda menolak organ yang dipindahkan. Oleh itu, kekerapan jangkitan anda lebih tinggi.

Pesakit yang menerima ubat imunosupresan menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk mengalami beberapa jenis kanser. Anda perlu membincangkannya dengan doktor anda.

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda perasan mana-mana simptom yang berikut:

- Cirit-birit, sembelit, loya (rasa sakit) atau ketidakhadapan (senak)
- Sakit perut, dada, belakang atau lain-lain
- Sakit kepala
- Cecair pada bahagian kaki atau tangan
- Jangkitan pundi kencing

Anda dinasihati untuk merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami demam, sakit sendi dan sakit otot.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [(Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) Vaccines (AEFI)).

MOFECON 500 (MYCOPHENOLATE MOFETIL 500MG TABLETS)

Mycophenolate Mofetil (500mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan Mofecon

Nombor Siri
NPRA (R2) 21/060

- Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pencapaian kanak-kanak. Simpan di tempat di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Jangan buang apa-apa ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara membuang ubat-ubatan anda yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Mofecon 500 (Mycophenolate Mofetil 500mg Tablets) ialah tablet bersalut berbentuk kaplet, berwarna lavender, dan berukir dengan "C4" pada satu muka.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif

- Setiap tablet mengandungi Mycophenolate Mofetil 500mg.

-Bahan Tidak Aktif

- Microcrystalline Cellulose
- Croscarmellose Sodium
- Povidone
- Magnesium Stearate
- Opadry Purple 03B50110

- Nombor MAL

MAL22066004ACZ

Pengilang

Concord Biotech Limited
297-298/2p, Siyawada, Valthera,
Ahmedabad, Gujarat 382225, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/11/2022